

BAHAGIAN A

[60 MARKAH]

Jawab semua soalan dalam bahagian ini.

Soalan 1

(a) Nyatakan dua pengguna dalaman Penyata Kewangan.

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

(b) Dokumen berikut diambil daripada Kedai Sania.

MEMO Kedai Sania No 129, Lorong Putra, Taman Gangsa, 05200 Alor Setar, Kedah 04-7443211 9 Mei 2019 Kerani, Sila rekod sebuah komputer bernilai RM2 500 yang diambil dari inventori untuk kegunaan pejabat. <i>Sania</i> Pengurus
--

Rekodkan urus niaga di atas ke dalam Jurnal Am (keterangan tidak diperlukan).

[2 markah]

(c) Maklumat berikut diambil daripada buku perakaunan Perniagaan Zafisha.

	31 Mei 2018	31 Mei 2019
	RM	RM
Alatan Pejabat	20 000	20 000
Susut nilai terkumpul alatan pejabat	2 000	4 000

Maklumat tambahan:

Perniagaan Zafisha mengamalkan polisis susut nilai alatan pejabat dengan kadar 10% setahun mengikut kaedah pengiraan susut nilai **X**.

(i) Apakah kaedah pengiraan susut nilai **X** yang digunakan?

(ii) Berapakah susut nilai alatan pejabat pada 31 Mei 2018?

[2 markah]

- (d) Maklumat berikut diperolehi daripada rekod perakaunan Shoo Roon Enterprise pada 30 Jun 2019.

	RM
Baki kredit Buku Tunai	10 800
Cek Belum dikemukakan	1 900
Deposit belum dikreditkan	1 800

Berapakah baki akhir di penyata bank Shoo Roon Enterprise pada 30 Jun 2019?

_____ [2 markah]

- (e) Nyatakan komponen kos bagi pekerja Kilang Permainan.

	Bidang Tugas Kerja	Komponen
(i)	Memastikan kualiti alat mainan yang dihasilkan mengikut standard yang ditetapkan oleh pihak kilang.	
(ii)	Terlibat secara langsung dalam memasang alat mainan.	

[2 markah]

Soalan 2

Cik Aimi Zahrah menjalankan perniagaan bunga di Pekan Sungai Korok. Berikut adalah baki-baki daripada buku Aizah Florist.

Imbangan Duga pada 30 Jun 2019		
	Debit RM	Kredit RM
Inventori 1 Julai 2018	10 591	
Kelengkapan Kedai	20 500	
Tunai	1 120	
Premis	90 000	
Kenderaan	70 000	
Belian dan Jualan	52 580	85 386
Ambilan	1 200	
Insurans	4 800	
Diskaun	400	550
Angkutan	270	
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	9 620	11 340
Sewa		5 000
Bank	24 500	
Pulangan	300	450
Hutang lapuk	320	
Upah belian	250	
Faedah pinjaman	2 900	
Komisen		1 500
Gaji	11 000	
Kadar bayaran	3 800	
Belanja am	785	
Pinjaman		46 000
Peruntukan hutang ragu		775
Susut nilai terkumpul kenderaan		11 800
Modal 1 Julai 2018		142 135
	304 936	304 936

Maklumat tambahan:

- i. Inventori pada 30 Jun 2019 adalah RM13 690 pada harga kos dan RM13 960 pada harga pasaran.
- ii. Gaji pekerja bagi bulan Jun masih belum dibayar.
- iii. Insurans dibayar untuk tempoh setahun berakhir pada 31 Ogos 2019.
- iv. Sebahagian daripada premis telah disewa kepada peniaga lain sebanyak RM450 sebulan.
- v. Cik Nurin telah menjelaskan hutang bapanya yang telah dihapuskan sebagai hutang lapuk sebanyak RM500 dengan tunai. Wang tersebut digunakan oleh pemilik untuk keperluan peribadi.
- vi. Peruntukan hutang ragu diselaraskan 5% atas Akaun Belum Terima.
- vii. Kenderaan disusut nilai dengan kadar 15% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
Sebahagian daripada kenderaan RM20 000 dibeli pada 31 Disember 2018.
Susut nilai kelengkapan kedai ditetapkan 10% setahun secara ansuran tetap.
- viii. Pinjaman berkadar faedah 7% setahun akan matang pada 31 Disember 2020.
- ix. Sekeping invois telah diterima daripada seorang pembekal bernilai RM3 550 baru dijumpai.
- x. Pemilik telah mengambil bunga dan gubahan bunga bernilai RM1 500 untuk dekorasi majlis pertunangannya dan perkara ini belum direkodkan dalam buku perniagaan.

ANDA DIKEHENDAKI MENYEDIAKAN:

- a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2019. [13 markah]
- b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2019. [12 markah]

Soalan 3

Kelab Seni Remaja Tajarian membuka sebuah restoran untuk menambah pendapatan setiap ahlinya. Yang berikut penerimaan dan pembayaran kelab itu bagi tahun berakhir 30 Jun 2019.

Penerimaan	RM	Pembayaran	RM
Yuran ahli	70 800	Alat tulis	220
Akaun Belum Terima Restoran	14 000	Kadar bayaran	4 200
Jualan Restoran	50 890	Belian Restoran	12 500
Sewa Studio	12 100	Akaun Belum Bayar Restoran	10 300
Yuran masuk	3 400	Insurans	1200
		Lesen Restoran	200
		Alat Muzik	12 000
		Gaji	19 800
		Belanja Pembaikan Studio	4 000
		Majalah	230

Maklumat Tambahan

	1 Julai 2018	30 Jun 2019
i Baki – baki pada		
Studio	150 000	150 000
Alat Muzik	-	12 000
Yuran belum terima	3 500	4 200
Yuran belum terperoleh	-	670
Akaun Belum Terima Restoran	12 680	20 890
Akaun Belum Bayar Restoran	11 880	10 990
Inventori Restoran	3 400	5 660
Majalah Belum bayar	110	150
Inventori alat tulis	200	260
Bank	58 090	?
ii Yuran masuk dianggap sebagai pendapatan hasil		
iii Sebanyak 40 % daripada gaji merupakan upah pekerja restoran		
iv Satu nota kredit daripada pembekal restoran bernilai RM560 belum direkodkan mana-mana buku		
v Insurans dibayar untuk tempoh setahun bermula 1 September 2018		

ANDA DIKEHENDAKI MENYEDIAKAN:

- Akaun Yuran [4 markah]
- Akaun Kawalan Belum Terima [2 markah]
- Akaun Kawalan Belum Bayar [3 markah]
- Akaun perdagangan Restoran berakhir 30 Jun 2019 [6 markah]
- Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2019 [8 markah]
- Penyata Kedudukan Kewangan (Bahagian Dana Terkumpul) [2 markah]

BAHAGIAN B

[40 MARKAH]

Jawab mana-mana **dua** soalan dalam bahagian ini.

Soalan 4

- (a) Syarikat J&J Berhad menawarkan perkhidmatan penghantaran kargo. Pada 1 Jun 2018 syarikat telah menerbitkan 1 000 000 unit 8% Syer Keutamaan pada harga RM1.00 sesyer dan 1 000 000 unit syer biasa pada harga RM0.50 sesyer. Pada 15 Jun 2018, semua syer itu telah dilanggan dan dibayar penuh.

Pada 1 Julai 2019, syarikat telah menerbitkan 500 000 unit 10% syer keutamaan pada harga RM1.00 sesyer. Pada 15 Julai 2019, jumlah wang yang diterima berjumlah RM450 000. Wang kurangan langganan ditanggung oleh pihak penaja jamin pada 31 Julai 2019.

ANDA DIKEHENDAKI:

- (i) Merekod semua urus niaga berkaitan terbitan syer dalam Lejar. [7 markah]
- (ii) Menunjukkan bahagian Ekuiti Pemilik Syarikat J&J Berhad dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2019 [3 markah]
- (b) Jadual di bawah menunjukkan jumlah kos dan jumlah hasil Kilang Biskut Wan pada pelbagai tingkat pengeluaran.

Paras Keluaran (unit)	0	1 000	2 000	3 000
Jumlah Kos (RM)	80 000	120 000	160 000	200 000
Jumlah Hasil (RM)	0	60 000	120 000	180 000

Kos tetap diandaikan malar.

ANDA DIKEHENDAKI MENGHITUNG :

- (i) Kos berubah seunit. [2 markah]
- (ii) Harga jualan seunit [2 markah]
- (iii) Titik pulang modal [2 markah]
- (iv) Jumlah unit yang perlu dijual untuk mendapatkan keuntungan RM 50 000. [2 markah]
- (v) Titik pulang modal sekiranya kos berubah berkurang sebanyak RM5 seunit manakala kos tetap dan harga jualan diandaikan malar. [2 markah]

Soalan 5

a) Cik Fadhlín pemilik Berkat Alin Enterprise, menjalankan perniagaan membekalkan aksesori kereta. Beliau ingin menyediakan satu anggaran belanjawan tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Disember 2019. Baki tunai di tangan dan tunai di bank berjumlah RM12 560.

(i) Anggaran jumlah jualan dan jumlah belian adalah seperti berikut:

	September (RM)	Oktober (RM)	November (RM)	Disember (RM)
Jualan	10 000	10 500	12 500	13 200
Belian	7 500	8 000	8 800	9 600

Syarat Jualan : 40% daripada jumlah jualan ialah jualan secara tunai dan bakinya diberi tempoh kredit selama satu bulan.

ii) Kadar bayaran pada bulanan berjumlah RM300 .

(iii) Berkat Alin Enterprise mendapat pinjaman sebanyak RM36 000 dengan kadar faedah sebanyak 10% setahun pada bulan Oktober dengan tempoh bayar balik selama setahun.

Bayaran balik pinjaman bermula pada bulan November.

(iv) Sewa kedai RM900 sebulan dan dijangka akan meningkat sebanyak RM100 mulai bulan Disember.

(v) Perniagaan bercadang untuk membeli sebuah kenderaan berharga RM36 000 pada bulan Disember untuk kegunaan perniagaan. Bayaran pendahuluan ialah RM6 000 dan bakinya akan dibayar dengan lima kali ansuran bermula Januari tanpa faedah.

ANDA DIKEHENDAKI MENYEDIAKAN penyata belanjawan tunai Berkat Alin Enterprise bagi tiga bulan berakhir 31 Disember 2019. [14 markah]

(b) Imbangan Duga Perniagaan Alya pada 31 Disember 2018 menunjukkan baki-baki seperti berikut:

	Debit RM	Kredit RM
Akaun Belum Terima	5 000	
Peruntukan Hutang Ragu		400

Peruntukan Hutang Ragu diselaraskan kepada 10% atas Akaun Belum Terima bersih.

ANDA DIKEHENDAKI MENYEDIAKAN:

(a) Akaun Peruntukan Hutang Ragu [3 markah]

(b) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 (petikan) [1 markah]

(c) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018 (petikan) [2 markah]

Soalan 6

- a) Encik Zulkifli tidak menyimpan rekod urus niaga mengikut sistem catatan bergu. Beliau meminta anda mengira untung atau rugi perniagaannya. Berikut ialah maklumat kewangan perniagaannya.

	1 Januari 2019	31 Disember 2019
Mesin	20 000	20 000
Perabot	8 560	8 560
Akaun Belum Terima	21 240	25 600
Inventori	9 570	11 410
Akaun Belum Bayar	18 350	19 320
Bank	4 670	8 920
Gaji belum bayar	-	430

Maklumat tambahan:

- i. Pada 1 Oktober 2019 Encik Zulkifli telah membawa masuk perabot RM1 640 dari rumah ke dalam perniagaannya. Perkara ini belum direkodkan.
- ii. Pada tahun ini beliau telah membuat ambilan tunai RM1 200.
- iii. Sebanyak RM200 daripada Akaun Belum Terima telah dihapus kira sebagai hutang lapuk.
- iv. Mesin disusutnilai 10 % setahun.

ANDA DIKEHENDAKI MENYEDIAKAN :

- i. Penyata mengira Modal pada 31 Disember 2019 [5 markah]
- ii. Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2019. [5 markah]

- b) Pada 1 Januari 2019 sebuah lori bernilai RM55 000 telah dibeli dengan cek. Lori ini disusutnilaikan 10% mengikut kaedah garis lurus.

Pada 31 Disember 2019 lori ini telah dijual dengan harga RM45 000.

ANDA DIKEHENDAKI MENYEDIAKAN:

- i. Akaun Kenderaan,
- ii. Akaun Susutnilai Kenderaan,
- iii. Akaun Susutnilai Terkumpul Kenderaan,
- iv. Akaun Pelupusan Kenderaan
- v. Akaun Untung Rugi [10 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

